

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2022 MENGENAI
AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI KELANTAN**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2022 mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan. LKAN ini melaporkan tiga tajuk pengauditan, iaitu satu tajuk di bawah pengauditan prestasi mengenai aktiviti jabatan dan dua tajuk berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan Negeri.

1.1. Pengauditan Prestasi

- a. Satu pengauditan prestasi telah dilaksanakan di satu jabatan negeri. Pengauditan tersebut melibatkan kategori aktiviti iaitu Pengurusan Aktiviti Penanaman Sayur-sayuran dan Buah-buahan yang dilaksanakan di Jabatan Pertanian Negeri Kelantan (JPNK).
- b. Bilangan peserta keseluruhan bagi Pengurusan Aktiviti Penanaman Sayur-sayuran dan Buah-buahan ialah seramai 402 peserta yang melibatkan tiga projek iaitu Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Projek Pembangunan Industri Sayur-sayuran (PPIS) dan Projek Pembangunan Industri Buah-buahan (PPIB). Keluasan tanah projek terlibat ialah seluas 853.78 hektar di seluruh negeri Kelantan. Dalam tahun 2019 hingga 2022, sejumlah RM2.99 juta telah diperuntukkan bagi pengurusan aktiviti penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan di bawah JPNK.
- c. Secara keseluruhannya, prestasi Pengurusan Aktiviti Penanaman Sayur-sayuran dan Buah-buahan adalah tidak memuaskan disebabkan perkara seperti berikut:
 - i. pencapaian output: pengeluaran bagi empat jenis sayur dan sembilan jenis buah terpilih tidak mencapai sasaran 90% ke atas dan pencapaian pensijilan MyGAP yang rendah iaitu 24.1% sahaja.
 - ii. pencapaian keberhasilan: sasaran pendapatan bagi 8.3% hingga 29% peserta TKPM tidak tercapai serta sasaran pendapatan bagi 9.4% hingga 17.9% peserta PPIS dan PPIB tidak tercapai bagi tahun 2020 hingga 2022, manakala sasaran pendapatan bagi 5.6% hingga 82.2% peserta TKPM, PPIS dan PPIB tidak dapat dinilai kerana tiada maklumat direkodkan dalam

Sistem Maklumat Agris Geoportal. Bagaimanapun, maklum balas kajian kepuasan pelanggan yang dilaksanakan dalam kalangan peserta TKPM, PPIS dan PPIB adalah baik.

- d. Penemuan Audit bagi aspek pengurusan aktiviti pula adalah penyelenggaraan rekod pengeluaran tanaman dalam Sistem Maklumat Agris Geoportal yang tidak memuaskan; penyelenggaraan lot tanaman tidak dilaksanakan dengan baik di mana Struktur Pelindung Hujan yang rosak belum dibaiki; Laporan Siasatan Permohonan tidak lengkap; dan Surat Aku Janji Pelaksanaan Projek tidak disediakan.

1.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

- a. Pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan Negeri telah dilaksanakan terhadap dua syarikat seperti berikut:
 - i. Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. (KIGSB) yang merupakan syarikat milikan penuh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dengan modal berbayar semasa berjumlah RM200,000. Aktiviti utama syarikat adalah melaksana projek/program dan pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta digital di negeri Kelantan.
 - ii. Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings Sdn. Bhd. (KUMHSB) pula merupakan syarikat milikan penuh Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dengan modal berbayar semasa berjumlah RM50 juta. Aktiviti utama syarikat adalah mengurus tapak pelupusan sisa pepejal dan sebagai rakan strategik Kerajaan Negeri bagi pelaburan industri teknologi hijau di negeri Kelantan.
- b. Penemuan utama berdasarkan pengauditan yang telah dilaksanakan terhadap KIGSB dan KUMHSB adalah seperti berikut:
 - i. Objektif penubuhan KIGSB berkaitan pelaksanaan program seminar dan latihan ICT berjaya dicapai manakala bagi aktiviti pengauditan keselamatan menara telekomunikasi dan aplikasi pembayaran KelantanPay belum dicapai sepenuhnya. Objektif penubuhan KUMHSB pula belum dicapai sepenuhnya kerana bilangan tapak pelupusan sisa pepejal yang diuruskan adalah tiga berbanding jumlah keseluruhan sembilan, manakala kelewatan Projek Solar Terapung Danau Tok Uban telah menjejaskan sasaran pendapatan KUMHSB.

- ii. Dari segi pencapaian output, pencapaian bajet pendapatan KIGSB adalah kurang memuaskan iaitu antara 33.3% hingga 75% bagi tahun 2019 hingga 2022. Selain itu, KIGSB mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM1.04 juta pada akhir tahun 2022. Pencapaian output KUMHSB berdasarkan pencapaian KPI tahun 2021 dan 2022 adalah kurang memuaskan iaitu 77.8% dan 83.3%. KUMHSB mencatatkan keuntungan terkumpul berjumlah RM609,505 pada akhir tahun 2022 serta menerima hasil dividen daripada dua syarikat subsidiari KUMHSB yang berjumlah RM2.95 juta bagi tahun 2020 hingga 2022.
 - iii. Dari segi pencapaian keberhasilan, hanya 21.1% menara telekomunikasi dijalankan audit keselamatan oleh KIGSB manakala bilangan transaksi penggunaan aplikasi KelantanPay semakin meningkat setiap tahun. Penilaian terhadap pencapaian keberhasilan oleh KUMHSB pula mendapati KUMHSB telah melaksanakan peranan sebagai rakan strategik Kerajaan Negeri dengan menarik pelabur bagi membangunkan Projek Solar Terapung, tetapi kelewatan projek telah menjejaskan sasaran pendapatan KUMHSB.
 - iv. Dari segi tadbir urus korporat, sebanyak enam aspek amalan terbaik tidak diamalkan sepenuhnya oleh KIGSB, manakala lima aspek amalan terbaik tidak diamalkan sepenuhnya oleh KUMHSB daripada keseluruhan lapan aspek utama.
2. Keseluruhan syor yang diberikan oleh Ketua Audit Negara ialah 13 syor. Bilangan tersebut terdiri daripada empat syor kepada JPNK, empat kepada KIGSB dan lima kepada KUMHSB bagi tujuan penambahbaikan.